



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR DALAM TALIAN / ONLINE**

---

**NAMA KURSUS : SISTEM KEWANGAN ISLAM**  
**KOD KURSUS : DPI3213**  
**PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2020**  
**MASA : 6 JAM**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **SATU (1)** bahagian. BAHAGIAN A (100 Markah)
2. Sila rujuk pada arahan terperinci di dalam kertas soalan ini.
3. Pelajar dibenarkan merujuk kepada sumber seperti nota kuliah, buku, internet atau mana-mana sumber yang berkaitan.
4. Jawab **SEMUA** soalan di dalam kertas jawapan iaitu kertas bersaiz A4 (atau lain-lain kertas dengan persetujuan pensyarah berkaitan)
5. Tulis butiran anda seperti mana berikut di penjuru atas kiri bagi setiap kertas jawapan:
  - i. Nama penuh pelajar
  - ii. No. Kad Pengenalan
  - iii. Seksyen Kelas
  - iv. Kod Kursus
  - v. Nama Kursus
  - vi. Nama Pensyarah
6. Setiap helai kertas jawapan mesti ditulis nombor muka surat di penjuru bawah kanan.
7. Jawapan hendaklah ditulis tangan, kemas dan jelas.

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALANINI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALANINI MENGANDUNGI 4 HALAMAN BER CETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **LIMA(5)** soalan.

Jawab **semua** soalan. Tulis jawapan anda pada Kertas Jawapan.

**SOALAN 1**

- a. ‘Harmonisasi undang-undang’ adalah salah satu pendekatan yang dipilih kerajaan ketika melaksanakan sistem kewangan Islam di Malaysia. Bincangkan **empat (4)** kelebihan strategi ini dalam mencapai matlamat Malaysia sebagai hub kewangan Islam di dunia.

(10 markah)

- b. Keperluan untuk mewujudkan pasaran wang Islam adalah signifikan untuk memastikan keberkesanan operasi keseluruhan sistem kewangan Islam di Malaysia. Jelaskan **empat (4)** peranan pasaran ini.

(10 markah)

**SOALAN 2**

- a. Dalam sistem kewangan pada zaman awal pemerintahan Islam, kerajaan kebiasaannya melaksanakan ‘belanjawan seimbang’ atau ‘belanjawan lebih’ berbanding belanjawan defisit. Mengapakah ini berlaku?

(5 markah)

- b. ‘Institusi zakat adalah salah satu pengantara kewangan yang mempunyai peranan penting dalam sistem kewangan sesebuah negara terutama dalam aspek pengagihan kekayaan dalam kalangan rakyat’. Bincangkan **lima (5)** permasalahan yang dihadapi oleh institusi zakat untuk mencapai matlamat meningkatkan sosio ekonomi rakyat di Malaysia.

(15 markah)

**SOALAN 3**

- a. Anda adalah agen takaful dan telah diundang untuk memberi penerangan kepada semua staf Kolej Yayasan Pelajaran Johor akan kepentingan membuat persediaan terhadap kemungkinan mengalami musibah. Sarankan **lima (5)** kepentingan menyertai takaful kepada audien anda.

(10 markah)

- b. Jelaskan **lima (5)** cara aktiviti retakaful membantu kelangsungan operasi pengendali takaful dalam sistem kewangan sesebuah negara.

(10 markah)

**SOALAN 4**

- a. Membangunkan Pasaran Modal Islam adalah satu agenda besar bagi negara kita. Bincangkan **tiga (3)** inisiatif yang telah dijalankan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) untuk membangunkan pasaran modal Islam di Malaysia.

(10 markah)

- b. **Dua (2)** instrumen kewangan yang semakin dikenali di pasaran kewangan Malaysia adalah unit amanah harta tanah (REITS) dan waran. Jelaskan perbezaan di antara kedua-dua instrumen ini dari aspek takrifan, pulangan yang diperoleh dan cara dana digunakan oleh syarikat pengurusan.

(10 markah)

**SOALAN 5**

- a. Anda mempunyai lebihan tunai di tangan dan bercadang untuk melabur dalam sukuk, satu alternatif pelaburan yang ada di pasaran. Berdasarkan ciri-ciri sukuk yang telah anda pelajari,uraikan **lima (5)** kelebihan melabur dalam sukuk berbanding bon.

(10 markah)

- b. Bincangkan **lima (5)** kesan jika tiada rangka kerja pengawalseliaan dalam sistem kewangan di Malaysia.

(10 markah)

**[100 MARKAH]**

**KERTAS SOALAN TAMAT**

